

12 DEC 2002
Abdullah-Batu
PERSEDIAAN UNTUK PULAU BATU PUTEH PULA

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Setelah berjaya mendapatkan pengesahan tentang hak milik terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan semalam, Malaysia kini akan menumpukan perhatian untuk mendapatkan haknya bagi Pulau Batu Puteh yang dipertikaikan oleh Singapura sejak 1996.

"Berikutnya ialah Pulau Batu Puteh. Persediaanya perlu dibuat dengan rapi dan segala hujah yang berhubung kait dengannya untuk menegakkan tuntutan kita bahawa pulau itu hak kita, perlu dilakukan sebaik mungkin," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada jamuan hari raya Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini. Jamuan itu turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebahagian besar anggota kabinet.

Pemilikan Pulau Batu Puteh menjadi pertikaian oleh Malaysia dan Singapura sejak tahun 1996 dan ia sehingga kini tidak dapat diselesaikan melalui saluran diplomatik.

Walaupun Singapura belum menyuarakan hasratnya untuk membawa kes itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa, tetapi kebuntuan penyelesaian mungkin memaksa kes itu dikemukakan menerusi proses undang-undang.

Semalam Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague telah memutuskan bahawa Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan yang terletak di perairan Sabah, adalah milik Malaysia dan menamatkan pertikaian selama 33 tahun dengan Indonesia tentang hak kedaulatan bagi kedua-dua pulau itu.

"Dengan kejayaan yang diperolehi itu bolehlah kita menganggap bahawa satu masalah dalam hubungan dua hala yang wujud dengan Indonesia telah selesai," kata Abdullah.

Katanya kabinet mengucapkan terima kasih kepada Wisma Putra dan pasukan yang terlibat dengan persediaan kes berkaitan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

Ditanya mengenai satu dokumen Bangsa-bangsa Bersatu yang mengaitkan Barisan Nasional dengan kumpulan penganas Al-Qaeda, beliau berkata PBB perlu mengambil tindakan untuk memperbaiki kesilapan itu.

Abdullah berkata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telah diarah untuk mengambil tindakan untuk memastikan nama BN dibersihkan.

-- BERNAMA
SR AZH MAI